

# MEMBENTUK UKHWAH DAN BUDAYA KERJASAMA MELALUI PELAKSANAAN SMART CIRCLE (USRAH) DALAM ORGANISASI

## *FOSTERING BROTHERHOOD AND A COLLABORATIVE CULTURE THROUGH THE IMPLEMENTATION OF SMART CIRCLES (USRAH) IN ORGANIZATION*

Muhammad Hawari Hanafi<sup>1\*</sup>

Aini Syairah Norizam<sup>2</sup>

Iman Nadhirah Azmi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Tetuan Hawari Hanafi & Co., Shah Alam, Selangor, Malaysia.

(E-mail: hawari.hanafi@gmail.com)

<sup>2</sup>Tetuan Hawari Hanafi & Co., Shah Alam, Selangor, Malaysia.

(E-mail: aini.hawarilaw@gmail.com)

<sup>3</sup>Tetuan Hawari Hanafi & Co., Shah Alam, Selangor, Malaysia.

(E-mail: iman.hawarilaw@gmail.com)

\*corresponding author

### Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

### To cite this document:

Hanafi, M.H., Norizam, A.S. & Azmi, I. N. (2024).

Membentuk ukhwaah dan budaya kerjasama melalui pelaksanaan Smart Circle (Usrah) dalam Organisasi.

*Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 259 -268.

---

**Abstrak:** *Usrah merupakan konsep dalam Islam yang merujuk kepada kumpulan kecil atau perjumpaan berkala antara individu-individu yang bertujuan untuk meningkatkan hubungan ukhwaah (persaudaraan) dan spiritual mereka. Usrah juga dikenali dengan nama smart circle, kerana dalam perjumpaan berkala, ahli kumpulan akan berkongsi pengalaman, pengetahuan, serta memberi sokongan moral antara satu sama lain. Penulisan ini bertujuan untuk mendalami kesan positif aktiviti usrah kepada pekerja dalam organisasi firma guaman, Hawari Hanafi & Co. Penulisan kerja kerta ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati aktiviti taaruf (berkenal-kenalan) yang dijalankan dengan pelbagai kaedah yang menarik dan tidak membosankan pada setiap minggu mampu menarik minat pekerja untuk melibatkan diri dalam usrah, dan menjadikan mereka lebih mengenali antara satu sama lain. Sikap saling memahami ini telah membentuk budaya kerjasama yang kukuh di kalangan ahli pasukan. Kesatuan yang baik di kalangan ahli pasukan merupakan kunci utama dalam memastikan visi dan misi organisasi tercapai dengan cemerlang. Pelaksanaan smart circle ini juga merupakan satu bentuk dakwah kepada para pekerja di dalam organisasi Hawari Hanafi & Co. Ini kerana mereka terdiri daripada pelbagai latarbelakang pendidikan. Melalui sesi-sesi Usrah, peserta dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan pandangan yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman agama serta amalan keagamaan mereka. Secara tidak langsung, aktiviti ini dapat memenuhi tuntutan rohani bagi seseorang individu Muslim. Secara keseluruhan, usrah bukan hanya sekadar aktiviti berkumpul, tetapi merupakan satu bentuk*

*interaksi yang membina, mendidik, dan memperkukuhkan hubungan ukhwah serta kerohanian di kalangan pekerja. Pelaksanaannya di dalam organisasi firma guaman Hawari Hanafi & Co telah membuktikan bahawa konsep Usrah mempunyai potensi yang besar dalam membawa kesan positif kepada sesebuah organisasi.*

**Kata kunci:** *Usrah, Firma Guaman, Ukhwah, Taaruf*

**Abstract:** *Concept of usrah is rooted in Islam and refers to small groups or regular gatherings aimed at strengthening interpersonal relationships and spiritual development. Also known as smart circles, these gatherings encourage group members to share experiences, knowledge, and provide moral support to one another. This paper seeks to explore the positive impact of usrah activities on employees within the law firm Hawari Hanafi & Co. Utilizing a qualitative approach comprising interviews and document analysis, the study finds that engaging activities, particularly those that incorporate the concept of taaruf (getting to know one another), significantly enhance employees' interest in participating in usrah. These weekly activities foster a deeper understanding and familiarity among colleagues, thereby cultivating a strong culture of collaboration within teams. A well-united team is pivotal in ensuring the successful realization of an organization's vision and mission. The implementation of smart circles also serves as a form of dakwah (propagation of faith) for employees of Hawari Hanafi & Co, who come from diverse educational backgrounds. Through usrah sessions, participants share experiences, knowledge, and perspectives to enhance their understanding and practice of Islam. Indirectly, this activity satisfies the spiritual needs of Muslim individuals. Overall, usrah is not merely a gathering activity; it represents a constructive interaction that educates and strengthens both spiritual bonds and brotherhood among employees. Its implementation in the law firm Hawari Hanafi & Co demonstrates the significant potential of the usrah concept to impact an organization positively.*

**Keywords:** *Usrah, Law Firm, Brotherhood, Taaruf*

---

## **Pengenalan**

Firma guaman Hawari Hanafi & Co. adalah sebuah firma guaman di Shah Alam dan Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan. Firma guaman ini menyediakan perkhidmatan seperti perundangan hartanah, nasihat korporat dan perniagaan, litigasi dan penyelesaian pertikaian, perundangan keluarga, wasiat dan pentadbiran pusaka. Dengan misi untuk menyumbang kepada Ummah Islam, memartabatkan agama Islam, dan melahirkan lebih ramai peguam dan profesional berketrampilan yang memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip Islam, firma ini berusaha untuk membina persekitaran kerja yang bukan sahaja profesional tetapi juga beretika dan berlandaskan nilai-nilai Islam. Ditubuhkan sejak 3 tahun lalu, firma guaman ini berkembang dan telah mempunyai 22 orang pekerja yang terdiri daripada 5 orang peguam, 3 orang peguam pelatih dan 12 orang pekerja peringkat eksekutif dan pembantu eksekutif.

Sejak Mei 2023, firma guaman Hawari Hanafi & Co telah melaksanakan aktiviti *Smart Circle* (usrah) secara mingguan yang menggantikan aktiviti *town hall* mingguan. Pelaksanaan *Smart Circle* di Hawari Hanafi & Co. disusun secara teratur dan jadual pertemuan yang tetap. *Smart Circle* (usrah) diadakan seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat bermula jam 9.00 pagi dan tamat jam 11.00 pagi. Setiap sesi berlangsung selama kira-kira dua jam dan dibahagikan kepada beberapa segmen, dimulakan dengan bacaan doa dan surah Al-Kahfi, perbincangan topik

mengikuti buku, kupasan hadis, aktiviti taaruf (pengenalan), pengumuman ringkas, dan akhirnya ditutup dengan doa penutup.

Setiap sesi usrah dikendalikan oleh seorang fasilitator yang bertanggungjawab untuk memastikan perbincangan berjalan lancar dan semua ahli mendapat peluang untuk berkongsi pandangan. Fasilitator ini dilantik secara bergilir-gilir dalam kalangan ahli *Smart Circle* untuk memberikan setiap pekerja peluang untuk memimpin dan mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka.

Aktiviti taaruf bermodul adalah komponen penting dalam setiap sesi *Smart Circle* (usrah) di firma guaman ini. Sesi *Taaruf* ini bertujuan untuk mengenali antara satu sama lain secara interaktif, memperkukuhkan hubungan antara ahli-ahli sedia ada, dan membina rasa kekeluargaan dalam kumpulan *Smart Circle*. Aktiviti taaruf dijalankan dengan pelbagai kaedah yang kreatif dan menarik untuk memastikan ia tidak membosankan dan dapat menarik minat semua ahli.

Antara kaedah yang digunakan termasuk permainan-permainan ringan (*ice-breaking games*) yang direka untuk mencairkan suasana dan membantu ahli-ahli baru merasa lebih selesa untuk berkongsi. Contoh permainan tersebut adalah teka-teki, pantun, lukisan, dan ujian psikometrik. Selain itu, terdapat sesi perkongsian (*sharing sessions*) di mana ahli-ahli berkongsi cerita peribadi, pengalaman kerja, atau pandangan mengenai topik tertentu. Ini membantu ahli-ahli mengenali satu sama lain dengan lebih mendalam dan membina kepercayaan.

Perbincangan dalam kumpulan kecil (*group discussions*) juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan. Perbincangan ini melibatkan topik-topik yang relevan dengan kerja atau kehidupan peribadi, menggalakkan interaksi dan perkongsian idea antara ahli. Dengan pendekatan-pendekatan ini, aktiviti taaruf dalam *Smart Circle* berjaya memperkukuhkan hubungan dan membina rasa kekeluargaan di kalangan ahli-ahli firma guaman ini.

Penulisan ini bertujuan untuk mendalami kesan positif pelaksanaan usrah dalam organisasi, khususnya di firma guaman Hawari Hanafi & Co serta menilai impak usrah terhadap hubungan ukhwah dan kerjasama di kalangan pekerja.

### **Definisi Usrah dan Smart Circle**

Usrah adalah sebuah konsep dalam Islam yang merujuk kepada kumpulan kecil yang berkumpul secara berkala untuk tujuan meningkatkan hubungan ukhwah (persaudaraan) dan spiritual. Istilah usrah berasal dari bahasa Arab yang bermaksud "keluarga," dan dalam konteks ini, ia merujuk kepada perasaan kekeluargaan yang wujud dalam kalangan ahli kumpulan tersebut. Ia merupakan perantara yang efektif dan berjaya dalam melahirkan ahli berkualiti. Selain itu, usrah adalah aktiviti kerohanian yang membentuk keperibadian Islam dalam diri individu, sehingga mereka memiliki sifat-sifat yang dikehendaki oleh al-Quran dan al-Sunnah. (Sopi & Jalil, 2022).

Usrah bukan hanya sekadar pertemuan biasa, tetapi ia juga merupakan satu bentuk pendidikan dan tarbiyah (proses pembentukan) yang bertujuan untuk memperbaiki diri individu dari segi spiritual dan moral (Ahmad, 2013). Dalam perjumpaan usrah, ahli-ahli berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan memberi sokongan moral antara satu sama lain. Usrah juga merupakan salah satu wasilah dakwah yang biasa digunakan dalam budaya sesebuah organisasi Islam. Kaedah usrah ini diperkenalkan oleh Sheikh Hassan al-Banna (1906-1949). Usrah juga merupakan

salah satu pendekatan dakwah Rasulullah SAW, di mana Baginda mengumpulkan satu kelompok kecil, dimulai dengan ahli keluarga, sahabat handai terdekat, dan seterusnya kepada masyarakat (Norsaadah Din et al, 2012).

Dalam sirah, pengaplikasian sistem usrah pertama kali dilakukan di Darul Arqam, yang dijadikan pusat kegiatan Islam. Di rumah tersebut, Rasulullah SAW mengumpulkan para sahabat dan mengajarkan setiap ayat al-Quran yang diwahyukan. Tujuan utama adalah memberikan kefahaman yang jelas kepada para sahabat tentang maksud sesuatu pensyariatan yang diturunkan, serta memudahkan mereka mengamalkan setiap ayat yang telah dipelajari dalam ibadat dan kehidupan seharian. Baginda juga menekankan pembinaan akidah yang teguh agar pengertian iman benar-benar kukuh dalam jiwa para sahabat. Ini sekaligus membantu para sahabat memahami tuntutan keimanan dan menjauhkan diri dari segala bentuk Jahiliyah dalam diri mereka. Selain itu, Baginda melaksanakan aktiviti pembinaan akhlak yang berterusan melalui contoh-contoh sifat mulia nabi-nabi terdahulu yang diceritakan di dalam al-Quran, serta melalui qudwah hasanah Baginda sendiri, tunjuk ajar, nasihat dan sebagainya. Tujuan akhirnya adalah untuk memberikan keteguhan peribadi dalam diri para sahabat (Abu Urwah, 1990).

Hasan al-Banna, dalam risalah-risalahnya mengenai sistem usrah menyenaraikan tiga rukun utama sistem usrah, iaitu ta'aruf (saling mengenal), tafahum (saling memahami), dan takaful (saling membantu dan menjaga). Beliau menekankan bahawa: "Islam sangat menitikberatkan pembentukan unit usrah dalam kalangan pengikutnya, yang akan mengarahkan mereka kepada teladan-teladan yang unggul, memperkukuhkan persaudaraan (Al-Banna, 2003).

Dalam konteks organisasi moden, usrah sering dirujuk sebagai "smart circle." Istilah ini digunakan untuk membina hubungan yang erat antara pekerja (ukhwah) dan meningkatkan kesejahteraan emosi serta profesional mereka. Usrah menekankan penggunaan kaedah yang menarik dan interaktif untuk menggalakkan penglibatan aktif daripada semua ahli, sekali gus

meningkatkan keberkesanan usrah dalam mencapai matlamatnya (Marusin et al., 2018). Matlamat ini boleh dicapai dengan memberikan penekanan dan pembudayaan ketiga-tiga rukun utama yang dinyatakan di atas.

Melalui tiga rukun tersebut juga, Usrah dapat memupuk semangat kerjasama yang erat (ta'awun), di mana ahli-ahli saling membantu dan menyokong antara satu sama lain, dan menjadikan suasana kerja lebih bersatu padu dan harmoni. ni bukan sahaja meningkatkan produktiviti tetapi juga membina budaya kerja yang positif dan berlandaskan nilai-nilai Islam (Sopi & Jalil, 2022). Malah, pendekatan ini juga bukan sahaja meningkatkan hubungan interpersonal tetapi juga menyumbang kepada pencapaian matlamat organisasi dengan lebih berkesan.

### **Kepentingan Ukhwah dan Kerjasama dalam Organisasi**

Ukhwah adalah konsep penting dalam Islam yang merujuk kepada hubungan persaudaraan yang erat dan harmonis antara individu Muslim (Norsaadah Din et al, 2012). Ia diasaskan pada nilai-nilai kasih sayang, saling menghormati, dan tolong-menolong dalam kebaikan. Ukhwah memainkan peranan penting dalam membentuk komuniti yang kuat dan bersatu padu. Ukhwah, atau persaudaraan, adalah salah satu elemen penting dalam Islam yang menekankan hubungan erat dan harmoni antara individu (Aziz, 2021). Allah SWT berfirman dalam Al-Quran:

*"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat."*

(Surah al-Maidah, 5:2)

Allah SWT mengingatkan umat Islam diingatkan untuk tidak bercerai-berai, Allah SWT melarang umat Islam daripada berpecah-belah dan hendaklah mengekalkan kesatuan dan persaudaraan (ukhwah) di antara mereka.

*"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai."*

(Surah Ali Imran, 3:103)

Dalam konteks organisasi, ukhwah adalah asas kepada pembentukan pasukan yang kuat dan bersatu padu. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

*"Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh."*

(Surah al-Saf, 61:4)

Ukhwah dalam organisasi membantu membina persekitaran kerja yang positif di mana pekerja saling menghormati, mempercayai, dan menyokong antara satu sama lain. Ini penting kerana hubungan yang baik antara pekerja boleh meningkatkan produktiviti, mengurangkan konflik, dan membina budaya kerja yang harmoni (Bourgault & Goforth, 2021). Kerjasama yang baik dalam pasukan mampu meningkatkan keberkesanan dan prestasi organisasi. Latihan dan kepimpinan pasukan merupakan intervensi utama yang dapat memperbaiki proses dan keberkesanan pasukan (Kozlowski et al., 2016).

Secara keseluruhan, konsep ukhwah dalam Islam adalah asas penting untuk membangun masyarakat yang harmoni, adil, dan penuh kasih sayang. Ukhwah tidak hanya memperkuat hubungan di antara umat Islam tetapi juga mendorong hubungan yang baik dengan semua manusia, mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan yang diajarkan oleh Islam. Ukhwah melibatkan komitmen emosi dan spiritual untuk membantu dan menyokong satu sama lain dalam semua aspek kehidupan.

Dalam konteks pembangunan organisasi, ukhwah memainkan peranan yang sama pentingnya. Dengan menanamkan nilai-nilai ukhwah dalam budaya organisasi, hubungan antara pekerja dapat diperkuat, yang membawa kepada peningkatan kerjasama, kepercayaan, dan komunikasi yang efektif. Ini seterusnya menciptakan persekitaran kerja yang harmonis dan produktif. Melalui ukhwah, organisasi dapat memastikan setiap anggotanya merasa dihargai dan didukung, yang merupakan elemen penting dalam mencapai kesatuan dan keberhasilan bersama.

Nilai-nilai ukhwah ini dapat diterjemahkan kepada kerjasama yang lebih baik, sokongan moral yang berterusan, dan persekitaran kerja yang lebih positif dan produktif. Ukhwah dalam organisasi juga membantu membina hubungan yang lebih erat antara pimpinan dan pekerja, memupuk rasa tanggungjawab bersama, dan menggalakkan semangat tolong-menolong dalam mencapai matlamat organisasi.

Kerjasama pula adalah satu lagi elemen penting yang diperlukan untuk kejayaan sesebuah organisasi. Kerjasama bermaksud salinh tolong-menolong dan bantu membantu (ta'awun). Kerjasama memastikan bahawa tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan lebih efisien melalui usaha bersama. Dalam Islam, kerjasama (ta'awun) adalah satu nilai yang sangat dihargai, di mana umat Islam digalakkan untuk saling membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran:

*"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran."*

(Surah al-Ma'idah, 5:2)

*"Dan hendaknya ada segolongan umat di antara kamu untuk menyeru kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, yang sedemikian itu adalah orang-orang yang beruntung."*

(Surah Ali Imran, 3:104)

Ayat ini menekankan pentingnya kerjasama dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ia menunjukkan bahawa tanggungjawab menjaga nilai-nilai moral dan etika adalah tugas kolektif yang memerlukan kerjasama antara anggota masyarakat atau organisasi. Kerjasama ini bukan sahaja menguatkan komuniti tetapi juga membawa keberuntungan dan kejayaan bersama.

Rasulullah SAW bersabda: *"Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini menekankan pentingnya saling membantu antara sesama manusia. Allah akan memberikan pertolongan kepada seseorang selagi dia terus menolong saudaranya. Ini menunjukkan bahawa kerjasama dan bantuan terhadap orang lain adalah kunci untuk mendapatkan bantuan dan keberkatan dari Allah.

Rasulullah SAW bersabda: *"Perumpamaan kaum mukminin dalam hal saling mencintai, saling mengasihi, dan saling menyayangi adalah seperti satu tubuh; jika satu anggota tubuh merasa sakit, maka seluruh tubuh turut merasakan sakit dengan demam dan tidak dapat tidur."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini menekankan pentingnya kerjasama dan saling membantu dalam kalangan umat Islam. Seperti satu tubuh yang merasakan kesakitan jika satu bahagiannya sakit, umat Islam harus saling mencintai, mengasihi, dan menyayangi, serta bekerjasama dalam menghadapi kesulitan. Ini menunjukkan bahawa kesejahteraan individu dalam komuniti bergantung kepada kesejahteraan bersama, dan kerjasama adalah kunci untuk mencapai kesatuan dan kekuatan dalam masyarakat atau organisasi.

Dalam konteks organisasi, ta'awun dapat diterjemahkan kepada kerjasama yang efektif antara anggota organisasi. Dengan saling membantu dan menyokong, anggota organisasi dapat bekerja dengan lebih efisien dan produktif, yang seterusnya meningkatkan produktiviti keseluruhan organisasi. Kerjasama yang baik juga memperkukuhkan hubungan persaudaraan

antara anggota, mewujudkan persekitaran kerja yang harmonis dan memperkuat ukhwah. Selain itu, dengan berkongsi idea dan pengalaman, ta'awun dapat membantu mencetuskan inovasi dan penyelesaian yang kreatif bagi cabaran yang dihadapi oleh organisasi. Sokongan moral dan emosi yang diberikan melalui ta'awun juga dapat meningkatkan kesejahteraan dan kepuasan kerja anggota organisasi, menjadikan tempat kerja lebih menyenangkan dan bermanfaat bagi semua.

Matlamat pembinaan hubungan kerja dalam organisasi atau syarikat adalah untuk mencapai kerjasama yang mantap dan harmonis antara semua anggota atau sumber daya manusia yang ada.

Pembinaan hubungan kerja yang dilakukan oleh pimpinan organisasi atau syarikat dikatakan berjaya apabila tercipta kerjasama yang baik antara anggota organisasi atau sumber daya manusia dalam organisasi atau syarikat tersebut. Kerjasama akan terbentuk apabila terdapat saling percaya antara anggota organisasi atau syarikat, dan kepercayaan ini akan berkembang melalui pelaksanaan komunikasi yang baik (Setiyanti, 2012).

### **Usrah membentuk ukhwah dan kerjasama di dalam organisasi**

Berdasarkan kajian literatur, jelas menunjukkan bahawa usrah merupakan salah satu sistem tarbiyyah yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW dengan tujuan memahami dan mengamalkan cara hidup yang selamat berlandaskan perintah Allah SWT. Matlamat utama dalam tarbiyyah adalah untuk membina individu yang akan meneruskan usaha amar makruf nahi munkar. Usrah juga merupakan cara yang berkesan untuk mendidik umat Islam yang menyentuh semua aspek keperibadian dan seterusnya membentuk mereka mengikut konsep Islam sesuai dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah. Salah satu matlamatnya adalah mencapai kesatuan pemikiran (wahdah al-fikr) dan kesatuan amal (wahdah al- 'amal) dalam sesebuah kumpulan.

Usrah menawarkan pendekatan yang berkesan untuk membina ukhwah dan kerjasama dalam organisasi. Aktiviti usrah dalam organisasi, yang melibatkan kelompok atau kumpulan individu, selaras dengan tuntutan agama yang sangat menekankan pembentukan ikatan perpaduan, kerjasama, dan ukhwah antara anggota (Alam & Abd Hamid, 2024). Melalui pertemuan berkala yang terancang dan interaktif, pekerja dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih mendalam, memahami kekuatan dan kelemahan masing-masing, dan belajar untuk bekerjasama dalam suasana yang mesra dan saling menyokong.

Usrah memainkan peranan penting dalam membentuk ukhawah dan kerjasama di dalam sesebuah organisasi Islam. Berikut adalah beberapa cara usrah dapat menyumbang kepada pembentukan ukhawah dan kerjasama:

### **Merapatkan Hubungan Persaudaraan (Ukhuwah)**

Usrah menjadikan ahli-ahlinya seperti satu keluarga yang erat hubungan silaturahim dan kasih sayang. Ini memupuk semangat persaudaraan atau ukhuwah yang kukuh. Melalui pertemuan mingguan usrah, ahli-ahli dapat bertukar-tukar pandangan, berkongsi masalah, dan saling membantu antara satu sama lain. Ini mengeratkan lagi ikatan ukhuwah (Marusin et al., 2018).  
Membina Semangat Bekerjasama

Usrah mendidik ahli-ahlinya dengan nilai-nilai bekerjasama, bertolak ansur, dan saling melengkapi antara satu sama lain. Ini adalah antara rukun utama usrah. Aktiviti-aktiviti usrah

seperti perbincangan, tugas berkumpul, dan projek dilaksanakan secara bersama dalam semangat kerjasama (Abdullah & Marusin, 2017).

### **Menyatukan Visi dan Matlamat**

Usrah memainkan peranan penting dalam menyatukan visi dan matlamat ahli-ahlinya ke arah mencapai cita-cita organisasi. Melalui pengajian ilmu, ahli-ahli usrah dapat memahami dengan lebih jelas hala tuju perjuangan organisasi dan beriltizam untuk merealisasikannya secara bersama (Yaaqub, 2001).

### **Melahirkan Tenaga Pekerja yang Komited**

Salah satu matlamat utama usrah adalah untuk melahirkan amilin atau tenaga pekerja yang komited terhadap perjuangan organisasi. Melalui didikan usrah, ahli-ahlinya dilentur menjadi pekerja yang berdisiplin, bersemangat tinggi, dan sanggup berkorban untuk organisasi (Alam & Abd Hamid, 2024).

### **Mengukuhkan Organisasi**

Dengan ukhuwah dan semangat kerjasama yang terjalin dalam usrah, ia dapat mengukuhkan organisasi dari dalam. Ahli-ahli usrah yang komited akan menjadi benteng kepada organisasi daripada diresapi dengan pemikiran yang menyeleweng (Yahya & Abdullah, 2021).

### **Konteks dan Relevansi dalam Organisasi**

Dalam dunia korporat yang semakin kompleks dan kompetitif, penting bagi organisasi untuk mencari cara yang berkesan untuk membina hubungan yang kukuh antara pekerja dan meningkatkan kerjasama. Usrah atau smart circle menawarkan pendekatan unik dan berkesan untuk mencapai tujuan ini. Melalui sesi usrah, pekerja dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih mendalam, memahami kekuatan dan kelemahan masing-masing, serta membina kepercayaan dan rasa hormat yang tinggi.

Bagi firma guaman seperti Hawari Hanafi & Co., pelaksanaan usrah mempunyai potensi besar untuk memperkukuhkan ikatan antara pekerja dan membina budaya kerja yang positif. Sebagai firma yang berlandaskan prinsip Islam, usrah juga berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan pemahaman dan amalan keagamaan dalam kalangan pekerja. Ini bukan sahaja membantu memenuhi keperluan rohani pekerja Muslim tetapi juga memupuk nilai-nilai murni yang penting dalam pembinaan karakter dan etika profesional.

## **Implikasi Usrah terhadap Kesejahteraan Pekerja dan Firma Guaman Hawari Hanafi & Co**

### **Peningkatan Ukhwah**

Pelaksanaan usrah di firma guaman Hawari Hanafi & Co. telah memberikan impak positif yang signifikan terhadap peningkatan ukhuwah dan kerjasama di kalangan pekerja. Melalui aktiviti taaruf dan perkongsian pengalaman, pekerja dapat membina hubungan yang lebih rapat dan saling mempercayai. Sebagai contoh, seorang pekerja menyatakan :

*"Usrah memberikan saya peluang untuk mengenali rakan sekerja dengan lebih mendalam. Kami bukan sahaja bekerja bersama, tetapi juga berkongsi nilai dan matlamat yang sama. Ini membuatkan saya merasa lebih terhubung dengan pasukan dan meningkatkan semangat kerja saya."*



Kerjasama antara pekerja juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Sesi perbincangan dan bengkel interaktif dalam usrah memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan. Pekerja belajar untuk berkomunikasi dengan lebih efektif, menghargai pandangan orang lain, dan bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama. Ini telah membawa kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kerja di firma.

Pelaksanaan usrah di firma guaman Hawari Hanafi & Co. telah menunjukkan bahawa konsep ini mampu memberikan impak yang signifikan terhadap kesejahteraan pekerja. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam usrah, seperti taaruf dan sesi perkongsian, telah membantu membina hubungan yang lebih rapat dan saling mempercayai di kalangan pekerja. Perasaan kekeluargaan yang terhasil daripada aktiviti ini telah mengurangkan rasa tekanan dan meningkatkan kesejahteraan mental pekerja.

Sebagai contoh, seorang pekerja menyatakan bahawa melalui usrah, mereka dapat berkongsi masalah peribadi dan profesional dalam suasana yang selamat dan menyokong. Ini menunjukkan bahawa usrah bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan hubungan kerja tetapi juga sebagai sumber sokongan moral yang penting bagi pekerja.

### **Peningkatan Kerjasama dan Produktiviti**

Melalui sesi-sesi perbincangan dan aktiviti berkumpul, pekerja belajar untuk menghargai pandangan dan idea rakan sekerja, yang seterusnya meningkatkan kerja berpasukan. Kerjasama yang lebih baik ini juga diterjemahkan kepada peningkatan produktiviti, di mana projek-projek dan tugas-tugas dapat diselesaikan dengan lebih efisien.

Sebagai contoh, projek yang memerlukan kerjasama antara jabatan kini dapat diselesaikan dengan lebih lancar kerana terdapat komunikasi yang lebih baik dan kepercayaan antara pekerja. Ini menunjukkan bahawa usrah tidak hanya mempunyai impak positif terhadap hubungan interpersonal tetapi juga terhadap prestasi organisasi secara keseluruhan.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Pelaksanaan usrah di firma guaman Hawari Hanafi & Co. telah memberikan banyak manfaat kepada pekerja dan organisasi secara keseluruhan. Usrah telah berjaya meningkatkan hubungan ukhwah, kerjasama, kepuasan kerja, dan pemahaman agama di kalangan pekerja.

Usrah telah membantu membina hubungan yang lebih erat dan saling mempercayai di kalangan pekerja. Hubungan yang kukuh ini seterusnya meningkatkan kerjasama dan produktiviti di tempat kerja. Melalui aktiviti berkumpul dan perbincangan yang dijalankan dalam usrah, pekerja lebih mudah untuk bekerjasama dan menyelesaikan tugas dengan lebih efisien.

Aktiviti usrah telah menyumbang kepada peningkatan kepuasan kerja di kalangan pekerja. Sokongan moral yang diberikan dalam sesi usrah membantu pekerja merasa lebih dihargai dan didukung. Selain itu, peluang pembelajaran yang diperoleh melalui perbincangan dan latihan dalam usrah meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja. Persekitaran kerja yang positif yang terhasil daripada hubungan yang erat dan sokongan moral juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kepuasan kerja.

Melalui sesi perbincangan agama dan tazkirah yang dijalankan dalam usrah, pekerja dapat mendalami pengetahuan agama mereka. Usrah membantu pekerja mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian dan pekerjaan mereka. Dengan pemahaman agama yang lebih

mendalam, pekerja dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih ikhlas dan berintegriti, sesuai dengan ajaran Islam.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan usrah telah terbukti menjadi salah satu alat yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja dan prestasi organisasi.

### Rujukan

Al-Quran pimpinan Al-Rahman

Sopi, M. M. M., & Jalil, S. J. A. (2022). Dakwah melalui pendekatan usrah terhadap pembangunan insan mahasiswa. *Al-Hikmah*, 14(1), 53-69.

Ahmad, S. B. (2013). *Amalan program usrah di sekolah agama menengah: kajian kes di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor*. University of Malaya (Malaysia).

Din, N., Yusak, Y. M., & Abd, M. F. (2012). *Usrah wadah pendidikan: pengaplikasiannya melahirkan insan terpelajar dan terdidik*.

Abu Urwah. (1990). *Risalah Usrah Jilid III*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Al-Banna, Hasan. (2003). *Majmu'ah al-Rasaail (translated to Malay)*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Marusin, A. A. M. A., Sintang, S., & Ibrahim, M. A. (2018). The Practice of Usrah in Teaching and Learning: Case Study at the International Islamic University Malaysia. *International journal of islamic thought*, 14, 21-26.

Aziz, E. A. (2021). The Relevance of the 'Ukhuwah' Concept in Empowering Interreligious Relations and Unity in Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 3(1), 35-42.

Bourgault, A. M., & Goforth, C. (2021). Embrace teamwork to create and maintain a positive workplace culture. *Critical care nurse*, 41(3), 8-10.

Kozlowski, S. W. (2018). Enhancing the effectiveness of work groups and teams: A reflection. *Perspectives on Psychological Science*, 13(2), 205-212.

Setiyanti, S. W. (2012). Membangun kerja sama tim (kelompok). *Jurnal STIE Semarang*, 4, 132297.

Abdullah, N. M. S. A. N., & Marusin, A. A. M. A. (2017). The implementation of usrah in the International Islamic University Malaysia and its contributions to holistic student development.

Ya'qub Muhammad Hussin. (2001). *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Yahya, M. R. B., & Abdullah, Z. (2021). Application of Usrah using Fuzzy Delphi Method in the Malaysian Professional Learning Community. *EARR (Educational Administration Research and Review)*, 5(1), 15-30.

Alam, N. A. R., & Abd Hamid, N. B. (2024). Relevance of Hasan al-Banna's Viewpoint on Islamic Education Through Nizam al-Usrah on Character Building. *eL-HIKMAH: Jurnal Kajian dan Penelitian Pendidikan Islam*, 18(1), 1-13.